

25/06/2000

Turun naik saham biasa: Mustapa

Nasir Hassan

JELI: Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata turun naik pasaran saham adalah perkara biasa dan rakyat tidak perlu menggelabah dengan penurunan indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak kebelakangan ini.

Menurut beliau, pelabur harus sedar dan tidak boleh mengharap saham naik tanpa had kerana ia dipengaruhi oleh keadaan tertentu membabitkan pembeli dan penjual.

"Oleh kerana nama pasaran (saham) ... ada pembeli, ada penjual. Kalau lebih ramai penjual daripada pembeli, maka turunlah. Biasalah di mana-mana pasaran saham, bukan saja di Malaysia ... tempat lain juga," katanya.

Apa yang penting, katanya, kedudukan ekonomi negara sekarang semakin pulih berbanding ketika kedudukan indeks jatuh pada kadar 262 mata, pada 2 September 1998.

"Walaupun indeks sekarang ini lebih 800, tapi kita kena ingat satu masa dulu (1998) kita mencatat 262 mata. Ini menunjukkan peningkatan hampir empat kali ganda," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penutup Program Bakti Siswa dan Keluarga Angkat Universiti Islam Antarabangsa sempena Hari Guru peringkat Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah/Machang/Jeli, di Kompleks Umno Bahagian Jeli, di Bukit Nangka dekat sini, petang semalam.

Sebelum itu, beliau ditanya kononnya penurunan indeks pasaran saham di BSKL sejak kebelakangan ini ada kaitannya dengan dakwaan kononnya berlaku perselisihan faham antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Akhbar Asia Wall Street Journal baru-baru ini, mendakwa hubungan kedua-dua pemimpin itu semakin tegang berikutan perbezaan pendapat membabitkan pelbagai perkara.

Mustapa yang juga Ketua Penerangan Umno berkata, rakyat tidak boleh mengharap pasaran saham naik sepanjang masa kerana turun naik adalah perkara biasa.

"Yang lebih penting bagi kita ialah kedudukan ekonomi yang semakin mantap. Kadang-kadang kita lupa sejarah, bila tengok saham turun, maka kita pun menggelabah, tapi hakikatnya ekonomi sudah pulih," katanya.

Menurutnya, ada tanda-tanda kebanyakan syarikat di BSKL menunjukkan prestasi yang baik dan menggalakkan.

"Malah, difahamkan lebih 500 daripada 770 syarikat atau dua pertiga syarikat yang disenaraikan di BSKL kini menunjukkan prestasi yang baik dan menggalakkan.

"Walaupun pasaran saham turun naik, tapi syarikat terbabit yang sebelum ini lesu serta mengalami kerugian besar mula mengalami prestasi yang baik kerana pemulihan ekonomi.

"Bagi menentukan keadaan ekonomi pulih atau tidak, kita harus lihat pada keseluruhan, bukan hanya pasaran indeks saham semata-mata. Jadi, kenapa kita terlalu taksud dan kita melihat kepada satu indeks saja," katanya.

Menurut Mustapa, walaupun pertumbuhan ekonomi negara belum mencapai tahap tujuh peratus tetapi prestasinya adalah menggalakkan.

"Kita tak boleh mengharap pasaran saham melonjak sampai 3,000-4,000 mata. Mungkin sesetengah pelabur mahu pasaran saham naik sampai 2,000-3000 mata. Ini tak mungkin berlaku, selain daripada skim cepat kaya yang menjanjikan untung dalam masa satu dua hari," katanya.

(END)